



IBU PEJABAT

Persatuan Pembekal-Pembekal Alatan Perubatan & Makmal Bumiputra Malaysia. (PERUTAMA)

Reg. No. 263

No. 4, Jalan BP 4/7, Bandar Bukit Puchong, 47100 Puchong, Selangor, Darul Ehsan.

Tel: (603) - 8060 0295 / 0296 / 0297 / 9610 (Hunting Line) Fax: (603) - 8060 0318

Email: info@perutama.org.my Web: www.perutama.org.my

KENYATAAN MEDIA

BANTAHAN KE ATAS KEWUJUDAN PHARMA2U, PLATFORM E-DAGANG DALAM APLIKASI MYSEJAHTERA

Persatuan Pembekal-Pembekal Alatan Perubatan & Makmal Bumiputera Malaysia (PERUTAMA) dengan ini membantah sama sekali akan kewujudan Pharma2u yang merupakan platform e-dagang dalam aplikasi MySejahtera yang dikatakan bertujuan bagi membeli kit ujian sendiri Covid-19 secara terus sejak 29 Julai yang lalu.

Selaku Presiden PERUTAMA yang mewakili suara para ahli persatuan merasa kecewa akan tindakan yang kurang bertanggungjawab ini kerana ianya bertentangan dengan Klausula 3.2 dan Klausula 5 (b) dalam Garis Panduan Pengurusan Covid-19, yang mana hanya premis farmasi berlesen atau diluluskan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) sahaja yang dibenarkan menjual kit ujian tersebut.

Justeru itu, pihak persatuan juga merasakan dengan penyenaaran Pharma2u sebagai tidak wajar kerana secara tidak langsung telah menindas pembekal-pembekal yang sah dan beroperasi menurut undang-undang.

Datuk Dr. Hj. Azami Bin Hj Said
(019-225 3417)

**PRESIDEN PERSATUAN PEMBEKAL-PEMBEKAL ALATAN PERUBATAN & MAKMAL
BUMIPUTERA MALAYSIA (PERUTAMA)**

2 Ogos 2021